

01 MAR 2001

ZETI-PELAN INDUK

BANK NEGARA UMUM PELAN INDUK SEKTOR KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Bank Negara Malaysia hari ini mengumumkan Pelan Induk Sektor Kewangan, yang dirumuskan untuk mengadakan pelan tindakan terperinci bagi pembangunan sektor kewangan bagi mencapai satu matlamat bersama -- mewujudkan satu momentum baru ke arah pembangunan dan pertumbuhan mapan.

Gabenornya Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz berkata pada pelancaran itu hari ini bahawa pelaksanaan keseluruhan perakuan-perakuan daripada Pelan Induk itu akan mengambil kira-kira lapan hingga 10 tahun.

Pelan induk itu disediakan oleh Bank Negara Malaysia dengan input-input daripada industri, perunding-perunding bebas, agensi-agensi kerajaan dan perbadanan-perbadanan swasta.

Ia dilancarkan oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin pagi ini.

Dr Zeti berkata: "Dengan arah haluan strategik ditentukan, pelaksanaan perakuan-perakuan itu akan diuruskan dengan keanjalan bagi mencapai matlamat-matlamat yang dihasratkan."

Dalam mengenal pasti strategi-strategi paling berdaya maju bagi Malaysia, sektor kewangan mestilah diselaraskan dengan agenda nasional yang berhasrat untuk mempunyai struktur ekonomi lebih pelbagai, pertumbuhan seimbang dan samarata dan juga mempertingkatkan kecekapan, produktiviti dan dengan itu daya saing antarabangsa yang lebih besar.

Dr Zeti berkata: "Sementara Malaysia setakat ini menumpukan kepada pembangunan berinstitusi dan untuk mempertingkatkan capaian kepada perkhidmatan kewangan di seluruh negara, tumpuan kini adalah dialih kepada meningkatkan rangkaian produk-produk dan perkhidmatan bagi memenuhi kecanggihan lebih besar para pengguna dan keperluan-keperluan yang lebih kompleks perniagaan, serta mempertingkatkan kecekapan, daya tahan dan kemampuan menyambut perubahan."

Di dalam suasana baru, institusi-institusi kewangan akan menemui tekanan yang meningkat untuk menjadi lebih kompetitif, inovatif, didorong teknologi dan lebih terfokus secara strategik.

Ini adalah kerana sistem kewangan masa depan akan menjadi lebih bersepadu, berjalan di dalam ekonomi-ekonomi dan pasaran-pasaran kewangan yang lebih bebas.

"Matlamat Pelan Induk Sektor Kewangan itu dengan itu akan mewujudkan satu sistem kewangan yang kompetitif, dinamik dan berdaya tahan, dengan amalan-amalan terbaik, yang mampu memenuhi permintaan yang kian canggih para pengguna dan perniagaan, dan mampu menghadapi cabaran-cabaran yang timbul daripada globalisasi dan liberalisasi, yang mampu menahan kitaran ekonomi.

"Dengan itu menyumbang kepada pertumbuhan dan kestabilan makro-ekonomi keseluruhan.

Adalah diharapkan bahawa institusi-institusi individu akan mentafsirkan wawasan, strategi dan tindakan mereka sendiri dalam merangka haluan masa depan bersama.

Dr Zeti berkata: "Dalam mencapai matlamat akhir itu, anggota-anggota sektor kewangan pelbagai bahagian masing-masing perlu diwujudkan bagi membentuk asas yang mantap di mana kemajuan selanjutnya boleh dibina. Perakuan-perakuan (daripada pelan induk itu) oleh itu akan dilaksanakan dalam tiga peringkat."

Peringkat pertama yang akan mengambil masa tiga tahun hingga 2003 akan menumpukan kepada kapasiti dan keupayaan domestik, sebelum meneruskan ke peringkat kedua dalam masa tiga hingga empat tahun dengan pengenalan suasana yang kian kompetitif," tambah beliau.

Peringkat terakhir yang akan dilaksanakan mulai 2007 dan selepasnya ialah pergerakan ke arah integrasi antarabangsa yang lebih besar.

Beliau juga berkata bahawa tinjauan masa depan lanskap kewangan tempatan akan merangkumi sektor kewangan yang kian lebih pelbagai, menampung keperluan-keperluan struktur ekonomi yang lebih pelbagai, dengan keperluan-keperluan yang kian kompleks dan mendesak.

Ciri-ciri masa depan lain adalah persekitaran yang kompetitif yang berkemungkinan menghasilkan institusi-institusi perbankan dan syarikat-syarikat insurans dengan strategi-strategi berbeza-beza dan hasil sampingan istimewa pasaran -- dengan segelintir institusi berasas luas yang diperlengkapkan oleh segelintir pembekal-pembekal pakar yang berjaya menyokong di atas teknologi dan pekerja-pekerja yang amat mahir.

Perbankan Islam dan takaful akan menjadi lebih penting dengan orientasi global lebih besar dan Malaysia akan berkedudukan sebagai pusat kewangan Islam serantau.

Di samping itu, akan terdapat infrastruktur kewangan yang moden yang disokong oleh sistem pembayaran yang cekap dan berkesan, pasaran modal yang dalam dan cair dan rangka perja perlindungan pengguna yang mantap. --

BERNAMA

MK FR OS